

21 MAY 1996

GAMBARAN MALAYSIA -- PESERTA BERTARAF DUNIA MENJELANG 2020

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Malaysia di masa akan datang telah digambarkan sebagai peserta bertaraf dunia menjelang tahun 2020 dengan lanskap korporat yang lengkap dengan pengilangan berteknologi tinggi, maklumat dan sistem komunikasi yang bersaing dalam pasaran antarabangsa.

Ia akan menjadi pintu masuk penting ke Asia, ekonomi yang semakin berkembang pesat dan pusat kewangan dan pendidikan serantau.

Juga, ia akan menjadi negara yang dipenuhi taman teknologi yang membina keupayaan peribumi bagi abad yang akan datang serta negara gugusan industri dan pusat pembuatan bersepadu.

Gambaran Malaysia di masa akan datang ini telah disampaikan kepada pemimpin-pemimpin korporat dan masyarakat perniagaan Amerika Syarikat oleh ketua eksekutif Citibank Sunil Sreenivasan yang berucap mengenai "Kenapa Syarikat AS Harus Berada di Malaysia" pada Dialog San Francisco yang berlangsung Selasa.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucapan pembukaan dan penting pada dialog sehari mengenai "Perkongsiannya Perniagaan dan Teknologi Malaysia-AS" ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz adalah di antara panel penceramah-penceramah Malaysia.

Penceramah-penceramah lain ialah pengerusi Technology Resources Incorporated Tan Sri Tajudin Ramli yang juga adalah pengerusi Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan pengerusi Kumpulan Arab Malaysian Tan Sri Azman Hashim.

Sreenivasan, yang bercakap tentang pengalaman hampir 40 tahun Citibank dalam menjalankan perniagaan di Malaysia sebagai bank Amerika yang pertama pada tahun 1959, berkata pada pandangan bank tersebut tidak banyak terdapat tempat yang lebih baik daripada Malaysia.

Malaysia berada dalam peralihan ke arah pengindustrian dan Wawasan 2020 merupakan obor yang memandu perjalanannya untuk menjadi sebuah negara maju, tambah beliau.

"Di sinilah letaknya peluang bagi syarikat-syarikat AS untuk turut serta dalam peralihan Malaysia mengikut arus teknologi," katanya.

Menyebut kejayaan besar empat pelanggan antarabangsanya bank tersebut -- Hewlett Packard Malaysia, Matsushita Airconditioning, Siemens dan Intel -- yang memulakan operasi di Malaysia pada tahun 1972 sebagai contoh, Sreenivasan berkata ternyata sekali syarikat-syarikat gergasi antarabangsa di Malaysia menikmati tempoh pertumbuhan yang penuh kemakmuran. -- BERNAMA

AD KY MA